

PENGUNAAN TEKNIK GARIS TIGA BERBANTUKAN TON WARNA DALAM MEMPERBAIKI PENULISAN HURUF “G”, “J” DAN “Y” MURID TAHUN LIMA

Oleh

Siti Anizan Binti Moyang
s.anizan@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji bagaimana penggunaan teknik garis tiga berbantuan ton warna memperbaiki penulisan huruf “g”, “j” dan “y” seorang murid Tahun Lima iaitu Aiman (nama samaran). Teknik ini dilaksanakan secara ansur maju. Penyelidikan tindakan ini juga menjadi medium untuk menambah baik amalan sendiri saya sebagai guru Bahasa Melayu berkaitan cara penulisan huruf melalui latihan garis tiga. Data dikumpul melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan, pola dan dilema. Data-data kemudian disemak melalui triangulasi kaedah, masa dan sumber. Analisis data menunjukkan teknik garis tiga berbantuan ton warna dapat membetulkan penulisan huruf Aiman. Kajian ini turut menambah baik amalan saya melalui pengenalan teknik garis tiga berbantuan ton warna.

Kata kunci: Tulisan huruf “g”, “j” dan “y”, teknik garis tiga, penggunaan ton warna, ansur maju, lembaran kerja

ABSTRACT

This action research was conducted to investigate how triple-lined technique supported by coloured tone help to correct a Year Five Cempaka pupil, Aiman (pseudonym), write correctly miniscule “g”, “j” and “y”. This study was conducted using the developmental approach. This action research also provided me the opportunity to improve my teaching practices in relation to the topic concerned for Malay Language. Data were collected through observation, interviews dan documents and then analyzed using content, pattern and dilemma analysis. The data were then checked using method, time and person’s triangulation. Analysis of data showed that triple-lined technique supported by coloured tone helped Aiman write correctly the alphabets. This action research also improved my practices through the introduction of triple-lined technique supported by coloured tone.

Keywords: Written form of miniscule “g”, “j” and “y”, triple-lined technique, coloured tone usage, developmental approach, worksheets

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching. Saya mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah (PISMP-BM). Saya telah menjalani tiga fasa praktikum iaitu di SK Batu Delima (nama sekolah samaran) semasa praktikum Fasa 1 dan di SK Batu Cempedak (nama sekolah samaran) semasa praktikum Fasa 2. Saya telah menjalani praktikum Fasa 3 di Sekolah Kebangsaan Batu Lima (nama sekolah samaran).


Saya telah diberi tanggungjawab mengajar Bahasa Melayu bagi kelas Tahun 5 Cempaka di SK Batu Lima. Sekolah ini terletak di kawasan luar bandar dan kebanyakan murid di sini berasal dari luar bandar dan berlatarbelakangkan sederhana dari segi ekonomi dan pendidikan. Saya telah dimaklumkan bahawa kelas yang saya ajar merupakan kelas yang lemah dan mempunyai banyak masalah p&p. Semasa mengajar kelas ini, saya mendapati ramai murid yang belum menguasai kemahiran membaca dan menulis. Saya telah dapat mengesan beberapa orang murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran-kemahiran asas Bahasa Melayu. Bilangan murid dalam kelas yang saya ajar terdiri daripada 37 orang murid. Sebilangan kecil daripada mereka kurang menguasai kemahiran menulis dengan baik seperti mempunyai tulisan yang kurang kemas dan sukar untuk dibaca.

Saya telah menggunakan kesempatan yang ada semasa praktikum Fasa 3 untuk memperbaiki tulisan murid ke tahap yang lebih baik daripada sebelum ini. Di samping itu, saya juga dapat meningkatkan amalan saya dalam proses p&p sebagai seorang guru.

Semasa menjalani praktikum Fasa 1, saya mendapati terdapat dua orang murid yang menulis huruf kecil "g", "j", dan "y" di atas garisan dan masalah penggunaan huruf "P" besar. Praktikum Fasa 2 lebih memfokuskan kepada penggunaan huruf besar dan huruf kecil dalam penulisan iaitu huruf kecil "k" yang seringkali ditulis dengan huruf besar. Namun, tiada sebarang tindakan dilakukan kerana tempoh praktikum yang singkat.

Isu Keprihatinan

Pada praktikum Fasa 3, saya telah memfokuskan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid Tahun Lima. Berdasarkan lembaran kerja yang telah diberikan pada sesi pengajaran sebelum ini, saya telah mengesan seorang murid iaitu Aiman (nama samaran) yang seringkali menulis huruf "g", "j", dan "y" di atas garisan. Selain itu, seorang lagi murid menulis huruf "g" menyerupai huruf kecil "s". Kadangkala huruf "g" yang ditulis oleh Hans (nama samaran) betul dan kadangkala dia menulis huruf sama dengan huruf kecil "s". Rajah 1 menunjukkan data awal yang telah diperolehi selepas sesi p&p.



Rajah 1. Data awal Aiman dan Hans.

Rajah 1 menunjukkan data awal Aiman dan Hans yang telah diperolehi pada 27 Februari 2012. Data awal menunjukkan Aiman telah menulis huruf “g” dan “j” pada atas garisan manakala Hans telah menulis huruf kecil “g” menyerupai huruf “s”. Walaupun kajian sebenar melibatkan dua orang murid, saya hanya memaparkan data Aiman dalam artikel ini.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- memperbaiki cara penulisan huruf Aiman menggunakan teknik garis tiga berbantuan ton warna dalam penulisan huruf yang betul, dan
- meningkatkan amalan sendiri dalam menggunakan teknik garis tiga berbantuan ton warna dalam pengajaran penulisan huruf yang betul.

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan berikut.

- Bagaimanakah teknik garis tiga berbantuan ton warna dapat membaiki penulisan huruf murid Tahun Lima?
- Bagaimanakah teknik garis tiga berbantuan ton warna membantu meningkatkan amalan pengajaran saya dalam membantu Aiman menulis huruf dengan betul?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Menurut Raminah Hj. Sabran (1989), kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang memerlukan penguasaan terhadap berbagai-bagai subkemahiran dan pengetahuan tentang aspek-aspek bahasa seperti perbendaharaan kata, sistem ejaan dan tulisan, tatabahasa, tanda-tanda bacaan dan kemahiran mengolah atau menyampaikan buah fikiran dengan lancar, kemas dan berkesan. Ini sejajar dengan kajian Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) tentang “Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah”.

Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) dalam Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011) bertajuk “Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah”, mengatakan bahawa penguasaan peringkat asas dimulakan dengan menulis, perkataan, ayat dan seterusnya menulis sebuah wacana yang boleh difahami. Ini seiring dengan kaedah ansur maju yang dijalankan oleh Anisah Anuar @ Yong Hui Ming (2010) dalam kajian beliau yang telah

menekankan cara penulisan huruf menggunakan latihan garis tiga yang bersesuaian dengan tindakan yang telah saya jalankan. Penggunaan warna sesuai kajian oleh Malathi dan Saodah Ismail bertajuk "Penggunaan Warna dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Besar Bahasa Malaysia dalam kalangan Murid Bermasalah Pendengaran Tahun 3".

Pelaksanaan tindakan yang telah dijalankan berdasarkan Teori Pembelajaran Gagne yang mana tindakan dilaksanakan daripada peringkat mudah kepada susah seperti penulisan huruf sehingga penulisan petikan. Prinsip ansur maju juga ditekankan dalam setiap pelaksanaan tindakan dalam kajian ini melalui pengenalan lembaran kerja.

Jadual 1 menunjukkan beberapa siri tindakan yang telah saya jalankan ke atas Aiman dan Hans dalam memperbaiki tulisan huruf mereka manakala Rajah 2 menunjukkan contoh latihan berbentuk lembaran kerja yang digunakan dalam kajian ini memandangkan dia salah menulis lebih banyak huruf berbanding Hans.

Jadual 1

Jadual Pelaksanaan Tindakan

Tindakan	Perkara
Tindakan 1	Menyambung titik huruf menggunakan ton warna
Tindakan 2	Menulis huruf pada garis tiga
Tindakan 3	Menulis perkataan pada garis tiga
Tindakan 4	Menulis frasa pada garis tiga
Tindakan 5	Menulis ayat pada garis tiga
Tindakan 6	Menulis petikan pada garis tiga
Tindakan 7	Menulis petikan tanpa menggunakan garis tiga

Tindakan 1

Tindakan 2

Tindakan 3

Tindakan 4

Tindakan 5

Tindakan 6

Tindakan 7

Rajah 2. Latihan-latihan dalam tindakan.

Secara umumnya, terdapat tujuh tindakan yang melibatkan tujuh lembaran kerja yang berbeza. Lembaran kerja tersebut terdiri daripada latihan menulis huruf,

perkataan, frasa, ayat pendek, petikan dengan latihan garis tiga sehingga menulis petikan tanpa menggunakan garis tiga.

Tujuh tindakan telah dilaksanakan seperti berikut:

Tindakan 1: Menyambung titik huruf menggunakan ton warna

Saya telah melaksanakan tindakan ini pada 23 Mac 2012. Sebelum Aiman menyambung titik huruf, saya telah menerangkan cara mengaplikasikan ton warna semasa menyambung titik huruf “g”, “j” dan “y”. Latihan ini diteruskan sebanyak tiga kali bagi memastikan Aiman betul-betul memahami perbezaan bentuk huruf di atas dan bawah garisan.

Tindakan 2: Menulis huruf pada garis tiga

Setelah Aiman memahami perbezaan bentuk huruf pada garis tiga, saya telah menjalankan Tindakan 2 pada 5 April 2012. Latihan ini diulang sebanyak dua kali yang mana Aiman telah menulis huruf yang salah pada latihan garis tiga. Oleh itu, saya telah memberikan latihan menulis huruf pada garis tiga buat kali kedua.

Tindakan 3: Menulis perkataan pada garis tiga

Tindakan ini telah dilaksanakan pada 9 April 2012 dan 11 April 2012. Aiman telah menulis huruf yang salah pada perkataan. Kemudian, latihan diberikan semula buat kali kedua sehingga Aiman dapat menulis perkataan mengikut garisan yang betul.

Tindakan 4: Menulis frasa pada garis tiga

Apabila Aiman dapat menulis perkataan dengan betul, saya telah memberikan latihan menulis frasa pada garis tiga pada 17 April 2012. Tindakan ini telah dimulakan sendiri oleh Aiman di mana Aiman terus menulis tanpa penerangan daripada saya. Hasilnya, Aiman dapat menulis dengan baik dan betul pada garis tiga.

Tindakan 5: Menulis ayat pada garis tiga

Pada 23 April 2012, saya telah meneruskan tindakan saya dengan meminta Aiman menulis ayat pada garis tiga. Apabila Aiman kurang menguasai tahap ini, saya telah memberikan latihan buat kali kedua pada 26 April 2012.

Tindakan 6: Menulis petikan pada garis tiga

Berpandukan latihan-latihan sebelum ini, saya berpuas hati dengan perkembangan huruf “g”, “j” dan “y” yang ditulis oleh Aiman. Seterusnya, saya memberikan latihan menulis petikan pada garis tiga pada 5 Julai 2012. Saya membiarkan sendiri Aiman menulis tanpa bimbingan daripada saya.

Tindakan 7: Menulis petikan tanpa garis tiga

Bagi memastikan Aiman dapat menguasai latihan menggunakan garis tiga, saya telah memberi latihan bergaris satu. Saya ingin melihat perkembangan Aiman dalam menulis garis biasa.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik dan seorang murid Tahun Lima iaitu Aiman yang mempunyai masalah dalam penulisan huruf “g”, “j” dan “y”.

Pencapaian akademiknya dalam kategori sederhana. Jadual 2 merupakan masalah jenis huruf yang ditulis oleh Aiman.


Jadual 2

Masalah Penulisan Huruf Peserta Kajian

Nama peserta	Masalah penulisan huruf			Catatan
	g	j	Y	
Aiman	/	/	/	Menulis huruf di atas garisan

Etika Penyelidikan

Saya terlebih dahulu meminta kebenaran daripada sekolah untuk menjalankan penyelidikan ke atas beberapa orang murid yang mempunyai masalah. Kemudian, saya meminta persetujuan daripada ibu bapa peserta kajian dan peserta kajian itu sendiri sebelum melaksanakan tindakan dalam kajian ini. Rajah 3 menunjukkan surat persetujuan yang diberikan kepada peserta kajian.



Rajah 3. Surat akuan peserta kajian.

Kaedah Mengumpul Data

Saya telah mengumpul data menggunakan tiga kaedah iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen.

Pemerhatian

Semasa menjalankan tindakan, saya telah membuat pemerhatian dengan mencatat hasil pemerhatian saya dalam bentuk nota lapangan. Nota lapangan tersebut mengandungi perkara berlaku sama ada dari segi tingkah laku murid, persekitaran termasuk refleksi sendiri dan cadangan tindakan ke atas perkara yang berlaku. Selain itu, saya merakam gambar sepanjang pelaksanaan tindakan. Rajah 4 menunjukkan catatan nota lapangan 9 April 2012.

Tarikh	9 April 2012
Masa	8:50 pagi - 9:10 pagi
Aktiviti	Latihan menulis perkataan menggunakan teknik garis tiga
catatan	Agabila saya mengadakan latihan kepada Aiman, saya memerhatikan apabila latihan yang Aiman akan buat. Aiman hanya mengabaikan kepala. Saya beranggapan bahawa Aiman latihan menulis yang diberikan oleh saya. Aiman terus menulis tanpa bertanya kepada saya. Aca yang saya perhatikan. Aiman telah menulis perkataan 'gala' dan 'yoyo' kurang tepat pada garis tiga. Saya telah menegur Aiman dan dia terus memadamkan huruf yang salah. Seterusnya, Aiman menulis perkataan dengan betul.
cadangan penambahbaikan	Saya akan menegur kesalahan Aiman dari semasa ke semasa agar Aiman dapat menulis dengan kemas dan lebih baik daripada sebelumnya.

Rajah 4. Catatan nota lapangan (9 April 2012).

Temu bual

Saya telah menggunakan kaedah temu bual separa struktur untuk mengumpul data. Soalan-soalan yang saya sediakan merupakan soalan yang berkaitan dengan tindakan. Jadual 3 menunjukkan contoh-contoh soalan yang saya kemukakan kepada Aiman pada 9 Julai 2012.

Jadual 3


Soalan-soalan Temu Bual

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada Aiman

- Kamu masih ingat latihan yang kamu selalu buat?
- Apakah contoh latihan yang biasa kamu buat?
- Apakah yang kamu akan buat selepas membuat latihan ini?
- Adakah kamu akan menulis dengan betul selepas ini? Kenapa?
- Apakah harapan kamu setelah membuat pelbagai jenis latihan?

Analisis dokumen

Analisis dokumen yang saya gunakan ialah latihan-latihan berbentuk lembaran kerja peserta kajian sepanjang pelaksanaan tindakan bermula dari 23 Mac 2012 hingga 9 Julai 2012. Dokumen ini adalah dokumen primer Aiman. Rajah 5 menunjukkan latihan menulis perkataan yang telah dibuat oleh Aiman pada 6 April 2012.



Rajah 5. Hasil kerja Aiman (6 April 2012).

Teknik Menganalisis Data

Analisis kandungan

Saya telah menganalisis kandungan yang terdapat dalam latihan Aiman, transkrip temu bual dan catatan nota lapangan. Rajah 6 menunjukkan cara saya menganalisis catatan nota lapangan yang bertarikh 11 April 2012 semasa melaksanakan Tindakan 3.

Tarikh:	27 Mac 2012
Masa:	9:50 pagi - 10:10 pagi
Tempat:	Lembaran menulis huruf dengan ton warna
Catatan:	Semasa menulis huruf Aiman menggunakan pensel warna yang diberikan. Aiman kurang ingat itu yang disediakan untuk saya menggunakan sekaligus ton warna dalam menulis huruf. Aiman menulis dengan keadaan yang kurang selesa di mana meja terlalu tinggi dan Aiman perlu mendekatkan badannya dengan meja untuk memudahkannya menulis. Namun, Aiman dapat menggunakan ton warna semasa menulis huruf dengan baik dan kemas.
Cadangan penambahbaikan:	Saya perlu menyesuaikan keadaan persekitaran semasa Aiman membuat latihan kerana ia akan memengaruhi kecekapan tulisan Aiman. Saya juga perlu menemu bual Aiman sebelum dan selepas membuat latihan yang diberikan.

Aiman kurang ingat cara menggunakan ton warna. Oleh itu, saya telah memberi penerangan dan tunjuk cara sekali lagi.

Rajah 6. Analisis kandungan nota lapangan (11 April 2012).

Kandungan yang dianalisis berkaitan dengan Aiman yang “kurang ingat cara menggunakan ton warna”.

Analisis pola

Berdasarkan analisis kandungan lembaran kerja, saya telah membuat pola betul dan salah dalam setiap lembaran kerja Aiman. Selain itu, saya juga membuat analisis pola kekerapan menulis huruf Aiman dalam Tindakan 1 dan 2. Jadual 4 menunjukkan pola kekerapan Aiman membuat latihan.

Jadual 4

Kekerapan Latihan Menulis Huruf Aiman

Huruf	Kekerapan	Catatan
g	/ / / / /	3 kali permulaan – peserta menulis huruf
j	/ / / / /	menggunakan warna
y	/ / / / /	2 kali – peserta menulis huruf tanpa menggunakan warna pada garis tiga

Jadual 4 menunjukkan kekerapan latihan menulis huruf yang telah diberikan kepada Aiman dalam Tindakan 1 dan 2.

Analisis dilema

Saya juga telah menghadapi dilema semasa melaksanakan Tindakan 1. Aiman tidak faham penerangan penggunaan ton warna dalam menulis huruf. Semasa tindakan tersebut, saya telah menjalankan tindakan untuk penambahbaikan. Rajah 7 menunjukkan catatan refleksi pada 23 Mac 2012 iaitu masalah yang dihadapi semasa melaksanakan Tindakan 1 serta cadangan yang boleh digunakan ke atas Aiman.

Tarikh	23 Mac 2012
Aktiviti	Penerangan tentang penggunaan ton warna
Refleksi	Saya telah menerangkan masalah Aiman di mana Aiman menulis huruf tidak mengikut garis. Oleh itu, saya menggunakan ton warna dalam membezakan bentuk huruf dalam garisan. Aiman senang dengan kesalahan yang telah dilakukannya. Saya juga telah menerangkan cara menggunakan ton warna dalam membezakan huruf yang berekor seperti g, j dan y. Aiman kurang faham walaupun saya menjelaskannya dua kali.
Tindakan	Saya telah menunjukkan latihan sebelum tindakan kepada Aiman. Saya menunjukkan cara menulis huruf menggunakan warna dengan penerangan sekali lagi sehingga Aiman berjaya melakukannya.

Rajah 7. Catatan refleksi (23 Mac 2012).

Teknik Menyemak Data

Dalam menyemak data, saya telah menggunakan tiga jenis triangulasi iaitu triangulasi kaedah, sumber dan masa.

Triangulasi kaedah

Dalam triangulasi kaedah, saya telah menggunakan pelbagai teknik pengumpulan data iaitu catatan nota lapangan dan latihan Aiman untuk menyemak kredibiliti data. Rajah 8 merupakan triangulasi kaedah yang telah digunakan terhadap Aiman.

Saya : Adakah kamu akan menulis dengan betul selepas ini?
 Aiman : Ya.
 Saya : Kenapa?
 Aiman : **Senang dibaca**
 Saya : Apakah harapan kamu?
 Aiman : **Tulis dengan cantik.**

Rajah 8. Triangulasi kaedah Aiman.

Rajah 8 menunjukkan kaedah yang telah digunakan termasuklah kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Ketiga-tiga kaedah dihubungkan untuk memberi kesahihan data yang telah dikumpul.

Triangulasi sumber

Triangulasi sumber yang telah saya gunakan melibatkan saya sendiri sebagai penyelidik dan rakan sepraktikum. Saya telah bertanya kepada rakan beberapa soalan yang berkaitan dengan fokus kajian saya. Berdasarkan temu bual saya dengan rakan saya, dia berpendapat bahawa penggunaan garis tiga dapat membantu peserta saya dan sesuai digunakan. Rakan saya juga mencadangkan untuk menggunakan garis dua untuk latihan yang seterusnya.

Triangulasi masa

Triangulasi masa melibatkan suatu tempoh masa yang digunakan dalam melaksanakan penyelidikan tindakan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5

<i>Tarikh Pelaksanaan Tindakan</i>	
23 Mac 2012	Latihan 1
5 April 2012	Latihan 2
9 April 2012	Latihan 3
17 April 2012	Latihan 4
23 April 2012	Latihan 5
5 Julai 2012	Latihan 6
9 Julai 2012	Latihan 7

Jadual 5 menunjukkan latihan-latihan yang telah diberikan kepada Aiman pada suatu tempoh masa.

DAPATAN KAJIAN

- **Bagaimanakah teknik garis tiga berbantuan ton warna dapat membaiki penulisan huruf murid Tahun Lima?**


Saya telah melaksanakan tindakan sebanyak 13 kali di luar waktu p&p terhadap Aiman. Latihan yang saya berikan kepada Aiman menunjukkan kesan positif dalam menulis huruf “g”, “j” dan “y”. Aiman dapat menulis dengan kemas sepanjang pelaksanaan tindakan walaupun terdapat yang tindakan diulang beberapa kali apabila Aiman belum menguasai sepenuhnya. Rajah 9 menunjukkan hasil kerja Aiman sepanjang pelaksanaan tindakan.



Rajah 9. Hasil kerja Aiman.

Selepas Aiman dapat menguasai penulisan huruf “g”, “j” dan “y”, saya telah meminta Aiman menulis petikan menggunakan latihan garis tiga. Berdasarkan latihan tersebut, Aiman dapat menulis dengan baik tanpa sebarang masalah dari aspek penulisan.

Saya telah melakukan tinjauan akhir pada 9 Julai 2012 bagi mengesan penulisan huruf Aiman. Rajah 10 menunjukkan penyemakan pertama dan kedua saya terhadap tinjauan akhir ini.



Rajah 10. Penyemakan hasil kerja Aiman.

Daripada Rajah 10, saya menanda betul dan salah pada huruf yang difokuskan. Saya telah meletakkan pola betul dan salah bagi memastikan kesalahan yang telah dibuat oleh Aiman. Jadual 6 menunjukkan pola salah dan betul huruf Aiman.

Jadual 6

Pola Betul dan Salah bagi Huruf yang Ditulis Aiman

	Penulisan huruf Aiman		
	g	j	y
Penyemakan betul	28	7	12
Penyemakan salah	1	2	2

Jadual 6 menunjukkan kesalahan Aiman menulis huruf “g”, “j” dan “y” semakin kurang. Semasa tinjauan akhir ini, saya telah menemu bual Aiman tentang tindakan yang telah dijalankan dan transkrip temu bual saya dengan Aiman pada 9 Julai 2012 adalah seperti berikut.

- Saya : Apakah yang kamu akan buat selepas membuat latihan ini?
 Aiman : **Tulis dengan kemas**
 Saya : Adakah kamu akan menulis dengan betul selepas ini?
 Aiman : Ya.
 Saya : Kenapa?
 Aiman : **senang dibaca**
 Saya : Apakah harapan kamu?
 Aiman : **Tulis dengan cantik.**

(TB02 AM 090712)

Daripada temu bual tersebut, Aiman berpendapat dia dapat ‘tulis dengan kemas’, ‘huruf senang dibaca’ dan ‘tulis dengan cantik’ selepas membuat latihan. Saya telah

merekod perkembangan Aiman dalam borang pemarkahan yang telah saya sediakan.

- **Bagaimanakah teknik garis tiga berbantuan ton warna membantu meningkatkan amalan pengajaran saya dalam membantu Aiman menulis huruf “g”, “j” dan “y” dengan betul?**

Penggunaan teknik garis tiga berbantuan ton warna melalui kaedah ansur maju dapat meningkatkan amalan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Dalam menyediakan latihan, saya telah menggunakan prinsip ansur maju daripada peringkat menulis huruf hingga menulis petikan pendek. Saya juga mendapati kaedah baharu yang mana garis tiga dapat memperbaiki tulisan murid yang mempunyai masalah seperti Aiman. Antara kaedah lain yang boleh membantu Aiman ialah menggunakan ton warna dalam meningkatkan pemahaman Aiman cara menulis huruf dengan betul. Saya telah mengaplikasikannya dan ternyata dapat membantu Aiman.

Selain itu, saya dapat merancang sesi pelaksanaan tindakan yang sesuai dengan fokus atau masalah murid. Di samping itu, saya dapat merancang sesi p&p yang sesuai dengan tahap kebolehan murid-murid saya. Ia memerlukan perancangan yang teliti agar murid-murid dapat menerima apa yang cuba disampaikan.

Sebagai guru, adalah penting amalan reflektif diamalkan bagi menambah baik p&p. Saya telah membuat catatan refleksi menggunakan nota lapangan dengan mengemukakan cadangan penambahbaikan ke atas perkara yang berlaku. Daripada pelaksanaan tindakan, saya dapat mengetahui kelemahan yang perlu diperbaiki.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Peserta kajian dapat memperbaiki penulisan huruf “g”, “j” dan “y” dengan menulis huruf dengan cara yang betul menggunakan latihan garis tiga berbantuan ton warna. Saya juga dapat meningkatkan amalan saya dalam merancang kaedah pembelajaran sesuai dengan tahap murid. Kajian ini juga membantu saya memahami masalah yang dihadapi oleh murid dan seterusnya cuba untuk membantu mereka berkenaan.

Refleksi Penilaian Tindakan

Penyelidikan tindakan ini telah mendatangkan kesan positif terhadap peserta kajian saya dari segi penulisan huruf. Dalam tindakan yang telah saya jalankan, teknik garis tiga berbantuan ton warna dapat membantu mengurangkan serta memperbaiki tulisan huruf “g”, “j” dan “y” peserta kajian. Penggunaan latihan garis tiga juga dapat membantu Aiman menulis dengan kemas dan mudah untuk dibaca. Selain itu, pemahaman konsep tentang penggunaan ton warna dapat ditingkatkan.

Bagi saya, penyelidikan tindakan ini telah memberi ruang kepada saya untuk membantu murid-murid yang mempunyai masalah dari aspek tulisan menggunakan teknik garis tiga berbantuan ton warna melalui kaedah ansur maju. Saya juga telah memperkenalkan penggunaan ton warna untuk meningkatkan pemahaman Aiman dalam membezakan bentuk huruf di atas dan bawah garisan. Idea ini tercetus

dengan kajian yang pernah dijalankan oleh oleh Zaridah Zuber (2006), Malathi dan Saodah Ismail (2011).

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Penyelidikan tindakan merupakan perkara yang baharu bagi saya. Saya telah mempelajari bagaimana untuk merancang dan melaksanakan penyelidikan tindakan berdasarkan masalah yang dihadapi oleh murid. Perkara baharu yang telah saya pelajari termasuklah cara mengumpul, menganalisis dan menyemak data dan seterusnya cara menulis laporan yang betul. Di samping itu, saya belajar pentingnya mematuhi etika semasa melaksanakan penyelidikan.

Pelaksanaan penyelidikan tindakan telah membentuk diri saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu yang perlu menguasai pelbagai jenis kemahiran. Sebagai seorang guru, saya perlu mempunyai pelbagai jenis kemahiran termasuklah kemahiran mengurus, kemahiran belajar, kemahiran merancang, kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi dan kemahiran menilai. Kemahiran berkomunikasi yang baik amat penting bagi melancarkan perancangan tindakan agar ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Penyelidikan tindakan ini bukan sahaja membantu murid-murid saya tetapi juga dapat menambah baik amalan pengajaran saya dalam bilik darjah. Melalui penyelidikan juga, saya dapat menjana idea serta memikirkan kaedah dan strategi yang boleh digunakan dalam menjawab segala persoalan kajian kita.

Cadangan Tindakan untuk Kitaran Seterusnya

Dapatan kajian menunjukkan penulisan huruf peserta kajian adalah betul dan kemas. Walaupun kadangkala tulisan Aiman kurang kemas tetapi ia menampakkan perubahan yang positif dari segi menulis huruf "g", "j" dan "y". Untuk tindakan seterusnya, saya akan menekankan aspek kekemasan tulisan murid kerana ia juga merupakan aspek yang penting dalam kemahiran menulis.

Saya juga perlu memberi latihan tubi kepada murid-murid agar mereka dapat membiasakan diri menulis dengan betul dan cantik di samping mengurangkan kesalahan menulis huruf. Latihan tubi juga perlu ditekankan terutamanya dalam menulis menggunakan latihan garis satu. Latihan tubi yang dilaksanakan dapat memperlihatkan perkembangan tulisan peserta kajian dari semasa ke semasa.

Semasa pelaksanaan tindakan, saya telah menggunakan latihan garis tiga untuk membantu peserta kajian menulis huruf dengan betul. Untuk kitaran seterusnya, saya akan mempelbagaikan jenis lembaran kerja bergaris agar kesannya dapat dilihat dari aspek tulisan. Lembaran kerja boleh dipelbagaikan seperti menjawab soalan pemahaman menggunakan latihan bergaris. Sebelum ini, saya menekankan cara menulis huruf yang betul. Pada langkah seterusnya, saya boleh menekankan aspek penulisan huruf besar dan kecil kerana ia juga berlaku dalam kalangan peserta kajian saya.

RUJUKAN

- Anisah Anuar @ Yong Hui. (2010). Memperbetulkan tulisan huruf kecil 'k' dan 's' murid Tahun Tiga menggunakan Lembaran Kerja Garisan Berkembar Tiga dibantu oleh Carta Huruf dan Kaedah Ansur Maju, *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 37-54.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah (The implementation teaching and learning in writing skills at the primary school), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67-87.
- Malathi Ramakasma & Saodah Ismail. (2011). Penggunaan warna dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf besar Bahasa Malaysia dalam kalangan murid bermasalah pendengaran Tahun 3, *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*, 202-206
- Noriati A. Rashid, Booh Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar.
- Raminah Hj Sabran (1989). *Kecekapan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia untuk pelatih Maktab Perguruan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar.